

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA
[BATU]**
TARIKH : **ISNIN, 16 MEI 2016**
RUJUKAN : **L1 [PR-1342-L75424]**
SOALAN :

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan mengapa tanah bersebelahan Flat PPR Seri Terengganu yang kini digunakan untuk menyimpang kenderaan tidak digunakan untuk pembangunan PPR yang boleh menampung ramai yang masih menunggu perumahan di kawasan Batu.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Batu, tanah bersebelahan flat PPR Seri Terengganu yang kini digunakan untuk menyimpan kenderaan termasuk kenderaan depoh tunda Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

Memandangkan projek pembangunan di kawasan tersebut masih belum dilaksanakan, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah memohon kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan untuk menyewa sementara tanah tersebut bagi tujuan depoh simpanan kenderaan. Penyewaan telah dibuat oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di sebahagian Lot 67586 GRN 71695 (Plot C) di mana kelulusan telah diperolehi pada 9 Julai 2015.

Berhubung dengan cadangan pembinaan projek perumahan PPR/PPA di tapak tersebut boleh dirujuk kepada Unit Kerjasama Awam dan Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri sebagai penyelaras projek berkenaan dan merupakan perjanjian projek di antara Kerajaan Persekutuan dan Tetuan ASIE Sdn Bhd.